

## UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN BARU KEMENTERIAN PERTAHANAN PADA 6 APRIL 1967

Y.T.M. Tengku Perdana Menteri,  
Y.B. Tan Sri Sambanthan,  
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian:

**T**erlebih dahulu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.T.M. Tengku Perdana Menteri yang telah dapat melapangkan masa untuk hadir di upacara bagi merasmikan pembukaan bangunan baru Kementerian Pertahanan.

Semenjak 10 tahun yang lalu, Ibu Pejabat Angkatan Tentera dan juga Kementerian Pertahanan, telah berpindah-pindah dari satu tempat ke satu tempat. Pada tahun 1956, Markas Tentera Darat telah bertempat di Jalan Ampang dan kemudiannya, pada tahun 1957 selepas Malaya mencapai kemerdekaannya, Ibu Pejabat Angkatan Tentera Darat telah dipindahkan ke sini iaitu selepas Headquarters Malaya Command telah dimansuhkan dan dijadikan "Gurkha District" dan dipindahkan ke Seremban. Pada tahun itu juga Headquarters Tentera Laut, Darat dan Udara mula ditubuhkan. Pada tahun 1958 Bahagian Pertahanan dalam Kementerian Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri telah dipindahkan dari bangunan di Jalan Dato' Onn ke sini. Pada tahun 1961, Kementerian Pertahanan yang berasingan dari Keselamatan Dalam Negeri telah ditubuhkan dan mulai dari tarikh itulah Kementerian Pertahanan dapat bersama-sama dengan Headquarters Angkatan Tentera-Tentera Darat, Laut dan Udara.

Tuan-tuan dan puan-puan, adalah didapati bahawa kakitangan-kakitangan Kementerian ini dan juga ahli-ahli serta pegawai-pegawai Angkatan Tentera kita telah menjalankan perkhidmatan dalam keadaan yang tidak begitu sempurna dan bangunan yang ada hanyalah "pike hut" seperti yang kita lihat di hadapan kita ini. Pada tahun yang lalu, tahun 1966 pembinaan bangunan yang di hadapan kita ini telah dimulakan dan bangunan ini memakan belanja sebanyak \$2 juta. Sungguhpun bangunan ini belum dapat menempatkan semua kakitangan Kementerian ini, akan tetapi sebahagian besar dari pegawai-pegawai dapat mempunyai pejabat yang sempurna. Saya harap tidak berapa lama lagi ditambah bangunan yang lain dan diadakan sekurang-kurangnya satu bangunan seperti ini lagi.

Saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya, Pos dan Telekom di atas usaha dan kerjasamanya untuk menjayakan pembinaan bangunan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan Kementerian Pertahanan kita adalah berjalan dengan baik semenjak ia ditubuhkan kerana kita telah berjaya mengadakan satu "intergrated Ministry" iaitu pentadbiran bagi semua pasukan-pasukan dalam Angkatan Tentera negara kita dapat disatukan dan dengan itu pentadbirannya dapat dijalankan dengan licin dan sempurna. Setengah-setengah negeri, kita dapati ada beberapa Kementerian-kementerian iaitu Kementerian Tentera Darat, Kementerian Tentera Laut dan Udara dan Kementerian-Kemementaian ini terpaksa disatukan menjadi Kementerian Pertahanan dan ini menimbulkan berbagai-bagai kesulitan.

Akan tetapi di sini, disebabkan kita dapat menyatukan kesemua pentadbiran Angkatan Tentera kita dari awal lagi maka dengan itu masalah-masalah tidaklah timbul dan pekerjaan dapat dijalankan dengan baik hasil kerjasama yang baik di antara kesemua pasukan-pasukan tentera.

Tuan-tuan dan puan-puan, pembesaran Angkatan Tentera kita adalah berjalan dengan baik. Tentera Darat kita sudah berumur 35 tahun; Tentera Laut dan Udara sungguhpun masih muda hanya berumur lebih kurang 10 tahun, tetapi telah berjaya menjalankan tugas bagi mempertahankan negara kita dengan sempurna. Tentera-tentera kita telah menghadapi 2 peperangan, iaitu darurat yang berada selama 12 tahun lamanya untuk menentang pengganas-pengganas komunis dan kemudiannya konfrantasi yang didatangkan oleh pemerintah Indonesia yang dahulu.

Kedua-dua peperangan ini tentera kita telah dapat diuji dan mereka itu telah menunjukkan perkhidmatan yang sangat gilang-gemilang. Tentera kita telah mempunyai nama yang baik bukan sahaja di kalangan rakyat di negara ini bahkan dipandang tinggi oleh negara-negara lain juga. Di mana-mana sahaja tentera kita menjalankan perkhidmatan, mereka itu telah menunjukkan kehandalan dan keberanian yang tinggi dan taat setia serta tatatertib yang terpuji. Dengan sebab itulah kita semua sentiasa berbangga kepada Angkatan Tentera kita. Sungguhpun bilangannya kecil, akan tetapi sedia menjalankan tugas mereka bagi mempertahankan tanahair kita. Pada penghujung tahun ini, Ketua Angkatan Laut dan Udara akan dipegang oleh pegawai anak negeri ini sendiri. Ini adalah satu perubahan yang besar dan saya yakin dan percaya akan memberi semangat dan keazaman yang kuat lagi kepada pegawai-pegawai dan ahli-ahli tentera kita untuk berkhidmat kepada negara kita. Begitu juga saya sukalah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pegawai-pegawai dari negara-negara sahabat - dari United Kingdom,

Australia dan New Zealand - yang telah menolong melatih pegawai-pegawai dan ahli-ahli tentera kita, terutama sekali Ketua Angkatan Laut, Commodore Dolard dan Ketua Angkatan Udara Air Commodore Steedman.

Sebagai sebuah negara yang kecil, kita tentulah tidak berupaya hendak mempunyai Angkatan Tentera yang besar. Akan tetapi kita bercadang hendak mempunyai Angkatan Tentera yang sederhana, cukup lengkap dengan alat-alat moden dan mempunyai latihan yang sempurna. Kita berharap akan menguatkan latihan-latihan tentera-tentera kita dan tidak lama lagi saya harap dapat diadakan "Staff Training" di negara kita ini kerana kita berkehendakkan pegawai-pegawai ramai lagi pegawai-pegawai yang mempunyai latihan "Staff Officer" dan latihan yang didapati di luar negeri tentulah tidak mencukupi.

Sungguhpun begitu kita berbesar hati dan mengucapkan terima kasih kepada negara sahabat yang telah memberi peluang kepada pegawai-pegawai kita untuk mendapat latihan-latihan di Maktab-maktab di negara-negara itu.

Oleh sebab Tentera-tentera kita telah menghadapi 2 peperangan yang saya sebutkan tadi dan Tentera Darat kita telah berumur 35 tahun, maka nyatalah bilangan bekas-bekas ahli-ahli tentera kita bertambah bilangannya dan dengan sebab itu mustahaklah kita mengambil langkah-langkah yang sempurna untuk memberi pertolongan kepada mereka itu supaya dapat mereka memulakan kehidupan dengan sempurna selepas tamat perkhidmatan mereka dalam tentera. Begitu juga setengah-setengah daripada ahli-ahli tentera kita telah terkorban jiwa mereka dalam mempertahankan negara kita. Oleh itu mustahaklah kita memberi pertolongan kepada anak isteri mereka itu dengan apa cara yang patut. Untuk melaksanakan tujuan ini, Kementerian Pertahanan telah menubuhkan satu Bahagian bagi mengelolakan hal-hal ahli-ahli bekas tentera dan Kerajaan telah membuat keputusan bahawa keutamaan akan diberi kepada bekas-bekas tentera dalam cawangan pekerjaan, dalam rancangan-rancangan tanah Kerajaan dan dalam apa juga pekerjaan bekas-bekas tentera akan diberi keutamaan sehingga 50% daripada jawatan-jawatan itu.

Saya berharap pihak bekas-bekas tentera sendiri dapat memberi kerjasama kepada Kementerian dan Kerajaan dalam lapangan ini supaya usaha-usaha daripada pihak Kerajaan akan sebenar-benarnya memberi faedah kepada mereka. Saya bolehlah memberi akuan bahawa Kerajaan sentiasa memandang tinggi kepada mereka yang telah berkhidmat kerana mempertahankan tanahair kita dan saya berharap pihak rakyat negeri inipun bersama-sama berbangga dengan ahli-ahli Angkatan Tentera kita sama ada yang telah bersara ataupun

yang ada sekarang ini disebabkan mereka itu telah mengorbankan diri untuk mempertahankan tanahair kita.

Dengan ini saya dengan amat sukacitanya mempersilakan Y.T.M. Tengku memberi sepatah dua kata dan kemudiannya mengisytiharkan pembukaan bangunan baru Kementerian Pertahanan ini.

Terima kasih.